



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033
Fax : 03-20956523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(16)KPKT/BPK/19/7/4 Klt.25

18 Mei 2009

SIARAN MEDIA

(PRESS RELEASE)

Berikut adalah maklum balas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai laporan akhbar The Malay Mail bertarikh 13 Mei 2009

CURB THE AH LONG MENACE NOW

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa memantau dan menjalankan penguatkuasaan ke atas Pemberi Pinjam Wang berlesen. Ini adalah selaras dengan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) dan juga Keputusan Mesyuarat Pasukan Khas Mencegah Ceti Haram pada 20 Disember 2006 yang memutuskan supaya KPKT memberi tumpuan ke atas penguatkuasaan Pemberi Pinjam Wang berlesen manakala bagi PPW yang tidak berlesen tertakluk dibawah penguatkuasaan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tindakan yang telah diambil

- (i) Peningkatan penguatkuasaan oleh KPKT
 - (a) Bagi tahun 2006 hingga 2008, KPKT telah menerima sebanyak 167 aduan. Daripada jumlah tersebut, 34 kes (20.4%) telah selesai manakala 100 kes (59.9%) lagi masih dalam siasatan pihak KPKT. Dalam pada itu, sebanyak 23 (13.8%) kes rujuk kepada PDRM untuk tindakan selanjutnya dan 10 kes (6%) lagi dalam proses membuat pertuduhan.
 - (b) Disamping itu, bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2008, sebanyak 296 premis perniagaan PPW berlesen telah dibuat pemantauan oleh KPKT dan daripada jumlah tersebut sebanyak 90 premis (30.4%) didapati mematuhi Akta 400 manakala 206 premis (69.6%) ada melakukan pelanggaran terhadap Akta 400. Mana-mana premis yang melakukan kesalahan berat sedang dalam proses diambil tindakan pembatalan atau penggantungan lesen.
- (ii) Mewujudkan persefahaman dengan pihak PDRM
 - (a) Dalam mesyuarat Pasukan Khas Mencegah Ceti Haram pada 28 Disember 2006, Ketua Polis Negara telah bersetuju supaya KPKT memberi tumpuan ke atas penguatkuasaan PPW berlesen manakala pihak PDRM menjalankan penguatkuasaan ke atas Ah Long yang lebih berbentuk jenayah.

Langkah-langkah yang akan diambil oleh KPKT

- i. Meningkatkan Kesedaran Awam melalui program promosi dan publisiti;
- ii. Meningkatkan kerjasama dan penglibatan aktif masyarakat, NGO dan media massa bagi membentasi kegiatan Ah Long bersama-sama dengan Polis DiRaja Malaysia, syarikat-syarikat telekomunikasi, Suruhanhaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Persatuan Pemberi Pinjam Wang Malaysia, Persatuan Pemegang Pajak Gadai Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain;
- iii. Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan melalui peningkatan penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menurun atau menanggalkan iklan Ah Long yang ditampal atau dilekatkan di merata tempat dalam kawasan PBT masing-masing; dan
- iv. Meminda Perundangan sedia ada (Akta 400)
Mengkaji dan meminda Akta Pemberi Pinjam Wang (Akta 400) dan Peraturan-Peraturan berkaitan bagi mengatasi kelemahan yang terdapat seperti tangkapan dengan waran, aduan hanya diterima oleh pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas, hukuman kesalahan yang rendah.

Untuk mengatasi masalah iklan Ah Long yang semakin berleluasa, kerjasama PBT adalah diperlukan untuk menurunkan semua iklan di setiap kawasan PBT berkenaan.

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan